

Giliran UMNO setiap dua tahun

UM 17 MAR 2001

Oleh JOHARDY IBAHIM

KUALA LUMPUR 16 Mac — UMNO akan memegang jawatan Ketua Menteri Sabah secara silih berganti dengan parti komponen Barisan Nasional (BN) yang lain Pengerusi Parti Maju Sabah (SAPP) Datuk Yong Teck Lee berkata berdasarkan apa yang beliau faham UMNO akan memegang jawatan Ketua Menteri untuk tempoh dua tahun diikuti oleh parti komponen lain untuk tempoh dua tahun lagi

Jawatan itu akan kembali disandang oleh UMNO untuk tempoh dua tahun lagi sebelum sebuah parti komponen lain mengambil alih katanya

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas sistem baru penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari

Menurut Perdana Menteri UMNO selaku parti yang terbesar dalam gabungan BN diberi hak untuk menjadi Ketua Menteri bagi dua penggal

Dr Mahathir bagaimana napun tidak menjelaskan

secara terperinci bagaimana penggiliran itu dilaksanakan kerana mahu menunaikan solat Jumaat

Presiden Parti Liberal Demokratik Sabah (LDP) Datuk Chong Kah Kiat diumumkan sebagai Ketua Menteri baru menggantikan Datuk Seri Osu Sukam yang tamat tempoh perkhidmatan semalam

Yong yang juga bekas Ketua Menteri berkata ia bukanlah suatu keadaan yang mudah bagi semua pihak berikutan cadangan asal untuk memansuhkan sistem penggiliran

Tetapi kita telah berunding dan bersetuju untuk mengubahsuaikan sistem penggiliran tersebut Dengan semua pertimbangan diambil dan pelbagai faktor terlibat — kita yakin Perdana Menteri telah membuat keputusan yang harus disokong oleh semua pihak ujarnya

Chong yang juga Menteri Pelancongan Alam Sekitar Sains dan Teknologi menjadi Ketua Menteri yang keenam sejak sistem penggiliran diamatkan selepas pilihan raya negeri 1994

Ketidakadilan

Sementara itu Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Pandikar Amin Mulia berkata langkah meneruskan sistem penggiliran adalah selaras dengan semangat BN

Perdana Menteri ujar beliau selalu berkata tiada satu parti akan berpuas hati kerana jika ia berlaku sudah wujud ketidakadilan kepada parti lain

Formula BN ialah tidak ada satu parti boleh memperoleh apa yang ia mahukan Tetapi mesti ada formula beri dan terima katanya yang juga Presiden Angkatan Keadilan Rakyat (Akar) Sabah

Pandikar Amin berkata pengubahsuaian sistem penggiliran yang memberi UMNO Sabah dua kali giliran adalah kerana parti itu mempunyai lebih banyak kerusi dan sejak dulu lagi UMNO Sabah mahukan sistem itu dimansuhkan

Perdana Menteri telah meminta pandangan daripada semua ketua parti komponen BN Sabah dan mendengar kesemuanya ujar beliau

Bekas Ketua Menteri Datuk Mohd Salleh Tun Said berkata pelantikan Chong adalah sesuai kerana mempunyai pengalaman yang cukup dan akan mendapat sokongan daripada semua pihak

Katanya keputusan menambah giliran UMNO ialah kerana mengambil kedudukannya yang merupakan majoriti di Sabah

Tetapi ia tidak bermakna masyarakat daripada kaum-kaum lain akan diketepikan

Ini terbukti dengan keputusan Perdana Menteri untuk meneruskan penggiliran Ketua Menteri ujar beliau